

01/07/1998

GPIMS hargai penjelasan Najib

KUALA LUMPUR, Selasa - Gabungan Pelajar Islam Malaysia Se-Dunia (GPIMS) menghargai penjelasan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, mengenai kebebasan pelajar menyuarakan pendapat dan mengetengahkan pelbagai perkara untuk perhatian kerajaan dan rakyat.

Setiausahanya, Wan Saiful Wan Jan, berkata saranan Najib supaya pelajar menggunakan saluran yang ditetapkan dalam keadaan tertib perlu diberikan perhatian wajar oleh pelajar Malaysia di seluruh dunia.

"Kami mengajak pelajar Malaysia di mana saja supaya menjadikan penjelasan Menteri Pendidikan itu sebagai kata perangsang dalam menghidupkan semula idealisme perjuangan gerakan pelajar.

"Pelajar perlu sedar bahawa sudah cukup banyak pandangan dan suara sinis yang menyatakan kita sudah kematian idealisme, semakin teraba-raba dan tidak matang," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

GPIMS adalah badan yang dianggotai Al-Hizbul Islami United Kingdom dan Eire, Malaysian Islamic Society of North America, Persatuan Pelajar Malaysia Syria, Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir serta Persatuan Pelajar Malaysia di Jordan, India dan Pakistan.

GPIMS juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, atas nasihat supaya pelajar bijak membandingkan antara baik dan buruk serta tidak terpengaruh dengan hasutan pihak tertentu.

(END)